

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	27 APRIL 2017

BH - 27/4/2017

# PM sempurnakan prapelancaran WUF9

→ Kuala Lumpur bandar kedua di Asia jadi tuan rumah Forum Bandar Sedunia Kesembilan

**Oleh Magendran Rajagopal**  
magendran@bh.com.my

↳ Putrajaya

**D**atuk Seri Najib Razak semalam menyempurnakan program praprelancaran Forum Bandar Sedunia Kesembilan (WUF9), yang akan berlangsung di ibu negara pada 7 hingga 13 Februari tahun depan.

Dalam satu majlis ringkas di sini, Perdana Menteri memasukkan logo WUF9 dalam ruang khas yang disediakan; di atas pentas bertarkan kain rentang memaparkan butiran acara sambutan program berkenaan, sebagai gimik praprelancaran.

Yang turut hadir ialah Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar; Menteri Pertanian dan Industri

Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek serta Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Ghani.

## Bandar kedua diberi penghormatan

Kuala Lumpur akan menjadi bandar kedua di Asia yang diberi penghormatan sebagai tuan rumah selepas Nanjing, China pada 2008, dengan tema berkaitan 'Pelaksanaan Agenda Baharu Bandar', selepas berjaya dibida oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

(KPKT) pada 2014.

Kesediaan negara menjadi tuan rumah WUF9 selari dengan aspirasi pelaksanaan Sasaran Pembangunan Mapan (SDG) sempena Perisidangan Iklim Paris 2015 (COP21).

Ia juga selaras dengan penerimaan Agenda Baharu Bandar (NUA) yang dipersetujui pada Perisidangan Ketiga Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Perumahan dan Pembangunan Mampan (HABITAT III) di Quito, Ecuador pada 20 Oktober lalu.

WUF9 adalah antara agenda

Program Penempatan Manusia PBB (UN HABITAT) yang diadakan setiap dua tahun, bertujuan bertukar pandangan dan pengalaman mengenai cabaran perbandaran selain aspek perumahan, kemasyarakatan, warisan, perancangan bandar serta kesejahteraan bandar.

Penyertaan forum WUF9 adalah percuma dan orang awam serta pihak berkepentingan dalam bidang perbandaran boleh mula mendaftar untuk penyertaan, yang dijangka bermula Julai ini.

## Hari Keputeraan Agong Sabtu terakhir setiap Julai

**Kuala Lumpur:** Tarikh sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V ditetapkan pada Sabtu terakhir setiap Julai sepanjang lima tahun pemerintahan baginda.

Menurut kenyataan Jabatan Perdana Menteri (JPM), tarikh ba-

haru itu bermula tahun ini hingga 2021 selepas pindaan dari Sabtu pertama setiap Jun seperti sebelum ini.

Berikutan itu, Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong XV 2017 disambut pada 29 Julai ini.

Kenyataan itu memaklumkan, pindaan berkenaan mengambil

kira Sabtu minggu pertama Jun pada 2017, 2018 dan 2019 adalah pada Ramadan.

Dengan pindaan terbabit, katanya, sambutan Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong XV dapat diraikan bersama-sama rakyat melalui penganjuran acara yang dijadualkan.